

HARIAN METRO – SELASA 04 APRIL 2017

Kuala Lumpur

Kuat kuasa EPO di luar waktu pejabat

Mangsa kes keganasan rumah tangga boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO), dengan segera daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya kes berlaku di luar waktu pejabat atau hujung minggu yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan perintah daripada mahkamah.

Perintah perlindungan sementara (ex-parte) itu adalah antara lima perkara yang diberi perhatian dalam Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 yang dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pindaan itu akan memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga bagi membolehkan mangsa mendapat perlindungan sewajarnya dengan mengambil kira keadaan semasa.

Katanya, sekiranya berlaku pelanggaran perintah terhadap EPO, pelaku boleh dihukum

denda RM4,000, penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

“Kita mendapat maklum balas bahawa terdapat kesukaran untuk mendapatkan Perintah Perlindungan daripada mahkamah sekiranya kes berlaku di luar waktu pejabat atau hujung minggu.

“Dengan pindaan ini, Pegawai Kebajikan Masyarakat akan diturunkan kuasa untuk mengeluarkan EPO bagi melindungi mangsa daripada keganasan rumah tangga,” katanya pada sidang media di Parlimen, di sini, semalam.



ROHANI